



## PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN SEBAGAI ASAS KEPIMPINAN ISLAM: SATU SOROTAN

### *EDUCATION AND RESEARCH AS THE BASIS FOR ISLAMIC LEADERSHIP: A HIGHLIGHT*

Azman Che Mat<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Terengganu, Dungun Campus, Malaysia

Email: [azman531@uitm.edu.my](mailto:azman531@uitm.edu.my)

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 20.03.2023

Revised date: 15.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

##### To cite this document:

Che Mat, A, (2023). Pendidikan Dan Penyelidikan Sebagai Asas Kepimpinan Islam: Satu Sorotan. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 186-198.

DOI: 10.35631/IJMOE.517015

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Kepimpinan merupakan sumber kepada segala perjalanan urusan manusia yang menyangkut kehidupan. Jatuh bangun sesebuah tamadun atau bangsa boleh dirujuk kepada corak kepimpinan yang menerajui sesebuah kumpulan masyarakat pada tempoh tertentu. Hakikatnya, kelahiran kepimpinan dalam satu generasi berbeza ke generasi yang lain sangat dipengaruhi oleh sistem pendidikan yang diterapkan kepada generasi berkenaan. Pendidikan pula sentiasa berubah mengikut keperluan semasa sesebuah generasi. Justeru itu pendidikan sewajarnya sentiasa berkembang ke arah yang lebih baik demi kelangsungan sesebuah generasi. Seterusnya, kemajuan pendidikan tidak mungkin dapat diinovasikan kecuali dengan usaha-usaha penyelidikan yang bersifat kreatif dan berdaya maju. Artikel ini mengupas konsep-konsep utama yang berkaitan dengan kepimpinan berasaskan Islam meliputi pendidikan dan penyelidikan. Manakala ruang lingkup kajian ini bersifat setempat, iaitu dalam konteks pendidikan dan penyelidikan di Malaysia.

#### Kata Kunci:

Pendidikan, Penyelidikan, Kepimpinan, Islam, Kemajuan, Berdaya Maju

#### Abstract:

Leadership is the source of all human journeys related to life. The rise and fall of a civilization or nation can refer to the leadership pattern that leads a community group at a certain period. The fact is, the birth of leadership in one generation is different from another generation and is greatly influenced by the education system that is applied to the generation in question. Education is

always changing according to the current needs of a generation. Therefore, education should always develop in a better direction for the survival of a generation. Next, educational progress cannot be innovated except through creative and viable research efforts. This article covers the main concepts related to Islamic-based leadership covering research and education. While the scope of the study is confined, that is in the context of education and research in Malaysia.

**Keywords:**

Education, Research, Leadership, Islam, Progress, Viable

**Pengenalan**

Kepimpinan merupakan konsep yang sangat penting dalam kerangka pemikiran Islam. Konsep kepemimpinan Islam bersifat asas dan menyeluruh. Bagi membincangkan konsep ini, kajian yang terfokus sahaja dapat menggambarkan sebahagian daripada makna kepemimpinan yang begitu luas dan mencakupi segenap kehidupan individu, keluarga, ahli masyarakat dan warganegara.

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan konsep-konsep penting yang berkait dengan kepemimpinan berasaskan Islam yang ditunjangi dengan pendidikan dan penyelidikan. Hal ini demikian kerana proses pengislaman ilmu antara lain ialah untuk menyepadukan pendidikan (Omar, 2005) dan usaha ini tidak mungkin berhasil kecuali dengan melakukan penyelidikan yang tersusun dan terarah.


Pengislaman ilmu bukanlah bermaksud adanya ilmu yang tidak Islam, sebaliknya ia bermaksud satu upaya untuk mengarahkan setiap ilmu yang dihasilkan oleh manusia dapat menuju tauhid dan membentuk peribadi muslim yang sebenar. Hakikatnya ialah telah berlaku dualisme atau dikotomi ilmu dalam sistem pendidikan seperti yang disepakati pendokong islamisasi ilmu (Omar, 2005). Secara mudahnya ialah pendidikan Islam diletakkan dalam satu kategori, pendidikan sains sosial dalam kategori yang lain manakala sains dan teknologi pun begitu juga.

Dualisme atau dikotomi pendidikan ini telah menimbulkan nilai kemanusiaan yang berbeza dari sudut pandangan yang akhirnya melahirkan pemikiran yang tidak selari antara satu sama lain. Menurut Yaacob (2006: 82), hal ini merupakan kemuncak kejayaan politik pendidikan penjajah dunia Barat ke atas dunia Islam.

Akibatnya, penghujung kepada masalah ini ialah krisis kepimpinan. Kemelut kepimpinan menjadi semakin meruncing apabila individu yang memegang tampuk kepimpinan memiliki latar belakang pemikiran yang tidak sepadu. Lebih parah lagi jika pemikiran itu saling bertembungan. Hal ini selanjutnya dapat mengundang krisis dalam kepimpinan yang sudah pasti akan membantutkan proses pembangunan dan kemajuan masyarakat.

Justeru itu, melihat kepada pendidikan sebagai jalan penyelesaian sudah pasti menjadi pilihan yang tepat. Hal ini sudah pun diperakui oleh sarjana seperti Syed Naqib al-Attas, Muhammad Kamal Hassan, Wan Mohd Nor Wan Daud, Sidek Fadzil dan ramai lagi. Kajian ini menfokuskan tema utama, iaitu pendidikan, penyelidikan dan kepimpinan. Turutan ini

demikian adalah untuk menggambarkan proses (pendidikan dan penyelidikan) kepada hasil yang diperolehi (kepimpinan). Hal ini diterangkan seperti rajah di bawah:



**Rajah 1: Turutan Konsep Kajian**

### **Pendidikan**

Pendidikan seringkali disalah anggap sama dengan pengajaran dan pembelajaran. Meskipun kedua-duanya saling berkaitan, namun kedua-duanya mempunyai batasannya yang tersendiri apabila dibincangkan. Pendidikan boleh sahaja mengandungi unsur-unsur pengajaran dan pembelajaran. Tetapi pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan belum tentu berhasil menjadi satu pendidikan yang berjaya. Hal ini kerana pendidikan itu juga merupakan usaha menuntut ilmu, iaitu suatu proses yang berterusan untuk membolehkan pembenihan ilmu itu berlaku sebaiknya (Ujang, 2009). Pendidikan bermula seawal kanak-kanak yang sudah mula boleh berfikir, manakala pengajaran dan pembelajaran lebih bersifat khusus kepada kemahiran tertentu.

Perkara yang perlu dijelaskan ialah pendidikan itu semestinya bukan sekadar bertujuan memberikan kemahiran mekanis tetapi lebih penting dari itu, pendidikan membentuk peribadi, pemikiran dan nilai yang diperlukan dalam sesebuah masyarakat. Dalam hal ini, tujuan pendidikan yang dianjurkan dalam Islam mempunyai tiga tahap (Langulung, 1986: 1), iaitu:

### ***Tujuan Khas***

Tujuan khas merupakan tujuan yang bersifat kemahiran khusus, atau jurusan yang diikuti dalam sesuatu program pengajian. Sebagai contoh, seorang individu yang ingin menjadi jurutera perlu mengikuti kursus yang menyediakan ilmu dan kemahiran yang diperlukan oleh seseorang sebagai jurutera. Begitu juga untuk menjadi seorang pendakwah, maka seseorang itu perlu mengikuti kursus-kursus yang menyajikan ilmu dan kemahiran yang berkait terus dengan peranan seorang pendakwah.

Dalam dunia hari ini, pendidikan yang mempunyai tujuan khas ini telah berkembang dengan begitu pesat sekali. Sehingga wujudnya kefahaman itu bahawa dengan memasuki sesebuah

institusi itu haruslah memberi jaminan pekerjaan kepada seorang graduan atau mahasiswa. Hal ini seolah-olah telah menjadi satu anutan sebahagian besar ahli masyarakat yang melihat bahawa tingginya pendidikan itu bermaksud semakin menarik tawaran pekerjaan dan bayaran upah yang lebih tinggi.

Oleh kerana fahaman inilah maka telah diwujudkan pula institusi yang pendidikan yang menjurus kepada kemahiran dan keperluan industri, atau mengubah program pengajian kepada penghususan yang sangat khusus sehingga memungkin terabai tujuan am dan tujuan akhir pendidikan dengan pengubalan silibus yang mengurangkan pengisian yang berbentuk pemikiran dan pembangunan insaniah. Silibus yang dibangunkan juga lebih terarah kepada tujuan khusus yang diperlukan oleh pihak industri. Hal ini telah dinyatakan oleh Cambell (2015):

“The tendency of institutions to sacrifice their social obligations and moral compass to the pursuit of goals outside themselves which explicitly deny the other regarding obligation and degrade our collective and historically grounded traditions and cultures.”

***Tujuan Am***

Tujuan am pendidikan lebih terarah kepada pembangunan individu. Pembangunan individu meliputi kemahiran berfikir, berinteraksi dan bersosial. Melalui tujuan am ini pembentukan akhlak diutamakan kerana ia menjadi asas kepada persiapan awal untuk menghadapi kehidupan di dunia dan juga di akhirat.

Tujuan am berorientasikan persediaan untuk mencari rezeki dan pemeliharaan manfaat. Persediaan ini menuntut seseorang individu itu menjadi seseorang yang berfikir dan mengkaji ilmu untuk keperluan diri. Oleh yang demikian, tujuan am ini meliputi persiapan diri individu dengan pengetahuan berkaitan kemahiran-kemahiran dalam tujuan khas dan pada masa yang sama memelihara aspek-aspek kerahonian dan keagamaan.

***Tujuan Akhir***

Pada tujuan akhir inilah yang perlu diberi perhatian yang serius dalam konteks pendidikan bagi umat Islam tanpa mengira bidang pengkhususan. Apabila mencapai tujuan akhir ini, maka berlaku pembentukan, pewujudan diri, peribadi manusia yang unggul, iaitu hubungannya dengan diri dan alam (horizontal) dan diri dengan pencipta (vertikal). Menurut Langgulung (1986) lagi “Pewujudan diri bermaksud usaha meningkatkan diri sampai ke alam malakut agar dapat berhubung dengan Penciptanya, iaitu Allah S.W.T.”

Di Malaysia terdapat empat tahap pendidikan formal yang dilaksanakan. Keempat-empat tahap ini dibahagikan mengikut usia agar setiap individu akan mengalami proses pendidikan sesuai dengan kematangan mereka. Penerapan nilai-nilai Islam perlu dilakukan sepanjang tempoh pendidikan formal ini tanpa mengira aliran pengajian. Berkaitan dengan penerapan nilai Islam ini, dua pendekatan telah diperkenalkan, iaitu i. memasukkan kandungan atau topik khusus berkaitan Islam dalam setiap kursus yang ditawarkan dan ii. Memperkenalkan kursus khas berkaitan Islam di dalam sesuatu program pengajian.

## **Sistem Pendidikan di Malaysia**

Perkara ini kelihatan mudah untuk dinyatakan di dalam dokumen khusus berbanding dengan pelaksanaannya yang benar-benar memberikan impak kepada pendidikan. Menurut Langgulung (1981):

“Kalau pendidikan agama digunakan dengan cekap oleh orang yang celik –akal dan pengalaman hidup ia akan membawa kanak-kanak mencintai dan menjunjung tinggi agama itu, dan kita rasa itulah tujuan pendidikan agama di sekolah.”

Justeru itu, penerapan Islam ini boleh diperhatikan dalam sistem pendidikan di Malaysia seperti berikut:

### ***Awal Sekolah***

Pendidikan awal sekolah untuk kanak-kanak di usia 4-6 tahun menerapkan pendidikan Islam seperti mengenal huruf-huruf jawi dan al-Quran. Hal ini bertepatan dengan potensi al-Quran sebagai bahan asas pendidikan Islam (Muhammad, 2003). Selain itu, kelas fardu ain juga mula didedahkan secara umum kepada kanak-kanak melalui sesi-sesi kelas yang diajarkan pada waktu pagi.

Terdapat juga pusat-pusat penjagaan kanak-kanak yang menyediakan pendidikan awal kanak-kanak secara komprehensif kepada kanak-kanak di bawah jagaan masing-masing. Penerapan pelajaran agama Islam menekankan aspek pendidikan rohani dan peribadatan serta adab-adab untuk membentuk peribadi dan sahsiah (Muhammad, 2003).

### ***Sekolah***

Pendidikan sekolah merangkumi dua tahap, iaitu sekolah rendah dengan usia 7-12 tahun, dan sekolah menengah dalam usia 13-17 tahun atau prauniversiti (tingkatan enam) 18-19 tahun.

#### **1. Sekolah Rendah**

Pada peringkat sekolah rendah, secara umumnya kurikulum pendidikan adalah hampir sama mencakupi subjek teras seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains dan sejarah. Manakala subjek agama diberikan dalam program j-QAF meliputi bahasa Arab, jawi dan fardu ain. Selain itu, terdapat kelas agama yang diberikan penilaian khusus untuk murid-murid sekolah rendah, iaitu KAFA. Penilaian ini melibatkan beberapa subjek agama yang menjadi nilai tambah kepada murid-murid yang berminat untuk menyambung pengajian di sekolah beraliran agama.

#### **2. Sekolah Menengah**

Pada peringkat sekolah menengah juga pelajar telah diberi pilihan untuk mengikuti aliran yang diminati. Hal ini bukan sahaja melibatkan aliran agama dan aliran perdana. Malah aliran perdana pun telah dibahagikan kepada aliran sains sosial dan aliran sains teknologi. Oleh yang demikian, subjek sampingan yang ditawarkan mengikut aliran seperti matematik tambahan, kimia, biologi, fizik, perdagangan, perakaunan dan lain-lain lagi diwujudkan dalam sekolah menengah.

Perubahan yang dilakukan dari masa ke masa oleh kementerian pendidikan adalah dengan mengambil kira dasar-dasar pendidikan negara yang bertujuan untuk memastikan pendidikan sekolah terus relevan dan kompetatif dengan perubahan global.

### ***Pengajian Tinggi***

Pengajian tinggi meliputi program pra diploma, diploma dan ijazah sarjana muda. Setiap program pengajian yang ditawarkan ini boleh dipilih oleh pelajar untuk melanjutkan pengajian sama ada di UA (Universiti Awam) atau US (Universiti Swasta).

Kebanyakan institusi pengajian tinggi di Malaysia menawarkan program pengajian mengikut tujuh bidang yang menjadi tonggak institusi masing-masing. Namun hal ini tidak bermakna program pengajian selain itu tidak ditawarkan. Penawaran program baru sesebuah institusi itu adalah berdasarkan kekuatan jabatan atau fakulti yang mempunyai kemampuan dari aspek infrastruktur, sumber manusia dan sumber kewangan.

Setiap program yang ditawarkan itu mesti mengikut Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang menjadi syarat sesebuah program itu mendapat pengiktirafan. Hal ini bertujuan untuk memastikan setiap program pengajian yang ditawarkan itu mempunyai standard yang dipraktikkan di peringkat negara dan juga antarabangsa (MQF 2<sup>nd</sup> Edition, 2023).

### ***Pengajian Lanjutan***

Pengajian lanjutan yang dimaksudkan di sini ialah pengajian pasca siswazah. Hal ini kerana pengajian lanjutan selain itu dikira pengajian yang bersifat pengkhususan yang bukan akademik. Pengajian lanjutan meliputi sarjana dan doktor falsafah.

Terdapat dua mode pengajian yang biasa ditawarkan di UA dan US di Malaysia, iaitu kerja kursus dan penyelidikan. Kerja kursus bermaksud dalam program pengajian ini terdapat kursus-kursus tertentu yang perlu diambil dan lulus. Namun jumlah kursus ini terhad dan satu tugas projek penyelidikan, iaitu disertasi perlu disempurnakan sebelum seseorang pelajar dianugerahkan ijazah sarjana atau doktor falsafah.

Mode penyelidikan ialah program yang ditawarkan tertumpu kepada penulisan tesis sepenuhnya. Pelajar perlu mengemukakan cadangan penyelidikan untuk mendapat kelulusan daripada panel jawatankuasa kertas cadangan. Selepas mendapat kelulusan, barulah pelajar memulakan penyelidikan dengan diselia oleh seorang penyelia atau lebih mengikut keperluan bidang penyelidikan yang dijalankan.

Secara idealnya, pelajar pasca siswazah dijangkakan mampu bergelut dengan dunia akademik, meneruskan legasi keilmuan dan paling utama ialah menghasilkan penemuan-penemuan baru dalam bidang masing-masing. Hal ini sangatlah dituntut dalam Islam seperti yang banyak ditemui dalam ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan penyelidikan.

### ***Penyelidikan***

Penyelidikan merupakan aktiviti aktif untuk penghasilan ilmu baru, menilai, menambah baik dan merancang sesuatu kegiatan manusia yang berkesan. Khan (1989) mencatatkan:

*“Sejarah manusia telah menjadi saksi bahawa jatuh bangunnya sesuatu kaum atau tamadun berhubung rapat dengan perolehan, pengeluaran dan kebijaksanaan menggunakan ilmu.”*

Dalam tradisi ilmuan Islam kalsik, penafsiran dan analisis teks merupakan kaedah yang ke hadapan, sedangkan pengembangan kaedah-kaedah untuk memahami gejala sosial tidak diberikan perhatian yang sepatutnya (Safi, 1989). Namun ini bukan bermaksud ilmuan Islam

mengabaikan terus pemerhatian terhadap perkembangan sosial, cuma tidak dibangunkan kaedah-kaedah dan prosedur penyelidikan secara sistematik. Kalaupun ada usaha-usaha ke arah itu, ia masih belum mendapat perhatian seperti yang dilakukan oleh Ibnu Khaldun dan Ibnu Taymiyyah (Safi, 1989).

Bahagian ini menghuraikan beberapa konsep penting yang terdapat di dalam ayat-ayat al-Quran dan berkaitan dengan penyelidikan. Konsep-konsep ini ialah meneroka, mencerap, berfikir dan menganalisis dan rumusan dan kesimpulan.

### **Meneroka**

Meneroka ialah menyelidiki sesuatu yang belum diketahui lagi, menempuhi dan mengharungi (bidang kegiatan yang baru) (Kamus Dewan, 2000: 1435). Penerokaan boleh sahaja dengan menggunakan peralatan, pancaindera dan penaakulan. Sebagai contoh, dalam al-Quran penggunaan istilah *nazara* (melihat) dalam pelbagai pola merujuk kepada kegiatan meneroka.

أَفَلَمْ يَنْظُرُوا إِلَى السَّمَاءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَزَيَّنَّاهَا وَمَا هِيَ مِنْ فُرُوجٍ

Terjemahan: *Maka tidakkah mereka memandang ke langit yang ada di sebelah atas mereka (dengan tidak bertiang) bagaimana Kami membinanya (dengan rapi) serta Kami menghiasinya (dengan bintang-bintang), dan dengan keadaan tidak ada padanya retak-renggang?* (Qāf, 50:6)

Menurut al-Marāghi (2006: 266), ayat ini bertujuan mencabar golongan yang tidak mempercayai alam akhirat di mana manusia akan dibangkitkan. Meskipun ayat ini ditujukan kepada golongan yang tidak beriman, namun penerangan tentang kejadian alam ini telah menyuntik keinginan kepada manusia untuk melihat kejadian alam secara lebih mendalam dan terperinci. Hal ini hanya dapat dilakukan dengan usaha meneroka perkara-perkara yang belum diketahui oleh manusia sebelumnya. Kegiatan meneroka adalah proses yang berterusan tanpa noktah.

### **Mencerap**

Mencerap ialah menerima sesuatu dalam hati dengan pancaindera, menaruh hati (Kamus Dewan, 2000: 232). Perkataan *تعقلون* membawa maksud memahami dan mengetahui semua perkara berkaitan di dalamnya (al-Marāghi, 2006: 56) dan perkataan ini adalah sesuai dan sepadan dengan mencerap dalam bahasa Melayu.

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.* (al-Zukhruf, 43: 3).

Penggunaan perkataan *عقل* membawa maksud bahawa dengan sedikit sahaja menggunakan kemampuan akal, sesuatu perkara itu sudah dirasai mempunyai nilai dan makna. Maksudnya, untuk mengetahui sesuatu maksud dalam al-Quran, bagi orang Arab yang memahami bahasa Arab dengan baik mereka hanya perlu ada perasaan yang tulus untuk melihat hikmah dan mesej

di sebalik ayat-ayat al-Quran. Justeru itu, penting untuk mencerap sesuatu itu dengan menghadirkan hati dan menggunakan sedikit logik akal untuk memahami asas sesuatu perkara.

### ***Berfikir dan Menganalisis***

Berfikir ialah menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu; mempertimbangkan dengan baik (Kamus Dewan, 2000: 351). Proses berfikir merupakan usaha yang lebih gigih untuk menggunakan akal dan bertimbangan. Perkara inilah yang disebut sebagai analisis.

Berfikir itu berlaku dengan cara menganalisis yang mempunyai beberapa pendekatan seperti deskriptif, komparatif, deduktif dan induktif. Dalam ayat di bawah, saranan berfikir yang dianjurkan ialah menggunakan pendekatan komparatif.

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: *Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Tidakkah kamu mahu berfikir?"* (al-An'ām, 6:50)

Menurut al-Marāghi (2006: 109), selepas dikemukakan hujah-hujah barulah kamu semua tahu kebenaran sesuatu yang dinyatakan dan diserukan oleh Baginda S.A.W, serta dapat membezakan kesesatan syirik dan hidayah Islam seterusnya dapat mencerap beberapa lagi petunjuk dan kebajikan.

### ***Membuat Rumusan dan Kesimpulan***

Melakukan rumusan dan kesimpulan bagi sesebuah penyelidikan sangat penting untuk memastikan dapatan kajian itu tepat dan berteraskan data yang sahih. Perkara yang perlu ditekankan dalam hasil penyelidikan ialah menjelaskan kebenaran dan bukan memanipulasi data dan kaedah penyelidikan agar memenuhi kepentingan pihak tertentu.

Prinsip kebenaran adalah perkara asas dalam Islam tanpa kompromi. Surah al-Isrā' telah menegaskan hal ini:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Terjemahan: *Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.* (al-Isrā', 17:36)

Berkenaan hal ini juga, Nabi S.A.W pernah bersabda, maksudnya:

“Berkata benarlah walaupun pahit” (Imam Aḥmad, Ibn Ḥibbān & al-Bayhaqī)

Justeru, rumusan dan kesimpulan setiap kajian perlu dilakukan dengan teliti dan hati-hati agar hasilnya itu merupakan satu kebenaran atau menyokong kebenaran. Hakikatnya, jika rumusan dan kesimpulan yang dilakukan itu menyeleweng dan tersasar, nescaya dapat mengundang masalah atau sekurang-kurangnya tindakan yang diambil berdasarkan rumusan dan kesimpulan itu menjadi tidak berfaedah dan merugikan.



## Kepimpinan

Al-Attas dan Wan Daud (2014) menegaskan bahawa kepimpinan menurut perspektif Islam tidak hanya berkenaan menangani perubahan tetapi yang paling penting ialah mengurus kehidupan dengan penuh kesedaran terhadap perkara yang tetap dan tidak boleh diubah. Bagi konsep kepimpinan pula, fokus kajian ini ialah istilah kekhalifahan, taat setia, kemampuan dan tanggungjawab. Seperti yang telah dinyatakan dalam pendahuluan kajian ini, topik kepimpinan ini sangat luas, maka hanya empat tema utama sahaja dibincangkan, iaitu:

## Kekhalifahan

Khalifah ialah ketua yang memimpin. Namun istilah ini tidak lagi digunakan dalam urusan pentadbiran sebagaimana terpakai kepada kerajaan Islam selepas kewafatan Baginda S.A.W. Maksud asal khalifah ialah pengganti, iaitu pengganti kepada pemimpin yang sebelumnya. Meskipun begitu, konsep khalifah ini masih jelas bagi orang Islam dengan merujuk kepada ayat 30 daripada surah al-Baqarah.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Terjemahan: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi (al-Baqarah, 2: 30)*

Menurut al-Marāghi (2006: 73) manusia sebagai makhluk Allah yang berbeza daripada para malaikat telah diberikan tanggungjawab sebagai pengganti yang menguruskan hal-hal di dunia. Allah S.W.T telah menyampaikan penegasan ini kepada para malaikat, meskipun pemilihan manusia sebagai khalifah tidak dipersetujui oleh Iblis kerana menganggap kejadian manusia daripada tanah (Fāṭir, 35: 11) adalah lebih hina berbanding mereka yang dicipta daripada api (Ṣād, 38: 76).

Meskipun demikian, manusia sebagai khalifah mempunyai kelebihan berbanding makhluk yang lain kerana Allah telah mengurniakan mereka dengan ilmu. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam surah al-Baqarah (2: 31).

## Taat Setia

Perkara penting berkaitan kepimpinan dalam Islam ialah ketaatan. Meskipun begitu, ketaatan ini bukan bermaksud ketaatan melulu, tetapi berdasarkan tahap-tahap, iaitu ketaatan kepada Allah S.W.T, kepada Rasulullah S.A.W dan ketua atau pemimpin dalam sesuatu kumpulan atau organisasi. Pun begitu, ketaatan kepada pemimpin amatlah penting.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu (al-Nisā', 4: 59)*

Konsep ulul amri ini seperti yang dijelaskan dalam tafsir merujuk kepada ulamak, ahli agama dan ahli fiqh. Namun secara zahir makna ayat ini merujuk kepada pemimpin yang menguruskan hal-ehwal masyarakat. Dari segi kepimpinan pun, ketaatan dan kepatuhan kepada ketua mampu menggerakkan sesebuah organisasi mencapai objektif yang dirancang.

### ***Kemampuan (Kompetensi)***

Ciri seorang pemimpin mestilah seorang yang berkebolehan dan mempunyai kecekapan. Hal ini merupakan perkara yang sungguh kritikal lagi perlu diberi perhatian yang khusus.

إِنَّ خَيْرَ مَنْ أَسْتَجَرْتَ الْقَوِيَّ الْأَمِينُ

Terjemahan: *Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.* (al-Qaṣaṣ, 28: 26)

“Kuat” al-Qawwī dan “amanah” al-Amīn dalam ayat di atas bukanlah dalam makna yang sempit. Sebagai seorang pemimpin, kemampuan diukur bukan semata-mata pada kemampuan fizikal, malah ia juga merujuk kemampuan akademik, sosial dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan (Yaakub, 2006: 164). Manakala amanah pula ialah satu ciri keadilan yang mesti dilaksanakan oleh seorang pemimpin dengan memberikan hak kepada yang berhak dan seterusnya.

Maksudnya, seseorang yang menduduki saf kepimpinan dalam sebarang organisasi sosial perlu dapat menjamin kesejahteraan dan keamanan setiap warga di bawah kepimpinan. Hal ini dapat dicapai sekiranya seseorang pemimpin itu mempunyai ciri *al-qawwī al-amīn*.

### ***Tanggungjawab Bersama***

Hakikatnya, kepimpinan itu bukanlah tanggungjawab eksklusif kepada golongan tertentu sahaja. Bahkan setiap individu itu perlu mengakui bahawa pada satu-satu tahap dia sebenarnya adalah seorang pemimpin.

أَلَا كُنْتُمْ رَاعٍ وَكُنْتُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Terjemahan: *Ketahuilah setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap daripada kamu akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpin* (Hadis Riwayat Ibnu Umar)

Hadis ini memberi mesej yang jelas bahawa memimpin adalah tugas setiap individu. Paling asas ialah menjadi pemimpin kepada diri sendiri, iaitu mengerah daya dan usaha untuk melakukan sesuatu sesuai dengan ruh dan semangat beragama, bermasyarakat dan bernegara. Justeru, apabila setiap individu itu sedar keadaan ini, sudah pasti proses mengurus tadbir menjadi tersusun dan mampu membentuk sebuah masyarakat atau ummah yang utuh dan bersatu padu. Hal ini selaras dengan firman Allah S.W.T:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Terjemahan: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai.* (Āli ‘Imrān, 3: 103)

Islam sebagai agama tauhid perlu dijelmakan dalam pelbagai aspek kehidupan. Konsep kesatuan dan perpaduan menjadi ramuan penting dalam usaha meneruskan agenda pembangunan ummat. Oleh yang demikian, kerangka pendidikan, penyelidikan dan kepimpinan perlu diilustrasikan sebagai peta yang memandu usaha-usaha lanjut dalam memperkasa, membaik pulih dan memantau kerja-kerja pembangunan dan kemajuan ummat.

### Kerangka Pendidikan, Penyelidikan dan Kepimpinan

Sebelum diteruskan perbincangan ini, harus diteliti kembali tujuan penciptaan manusia di atas muka bumi ini. Sesungguhnya teras pendidikan dalam Islam ialah untuk memenuhi kriteria seorang hamba seperti firman Allah S.W.T:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ


Terjemahan: *Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.* (al-Zariyyāt, 51: 56)

Maksud *liya'budūn* dalam pola kata kerja merujuk kepada sebarang perbuatan kedua makhluk manusia dan jin perlu berpusat kepada pengabdian kepada pencipta, Allah S.W.T. Maka di sinilah muncul idea tujuan pendidikan ialah pembangunan akhlak sebagaimana sabda baginda S.A.W:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Terjemahan: *Aku hanya diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia* (Hadis Bukhari)

Al-Attas (2020: 188) dengan tepat telah menegaskan bahawa matlamat pendidikan ialah menyerapkan dan menanamkan adab pada diri manusia- ia adalah ta'dib. Dalam erti kata yang lain, ia merupakan proses membentuk sikap dan peribadi setiap individu.



Rajah 2: Kerangka 2P 1K

Dalam kerangka 2P 1K di atas, rajah 1 menunjukkan bahawa fungsi pendidikan dan penyelidikan dapat menentukan kualiti kepimpinan yang dihasilkan. Akibat daripada itu, kepimpinan merupakan cerminan kepada pendidikan dan penyelidikan yang menjadi dasar atau latar belakang kepada kepimpinan. Bahkan kepimpinan juga akhirnya menentukan peranan dan corak pendidikan dan penyelidikan yang dihasratkan. Namun aktiviti penyelidikan sangat penting dalam menentukan kualiti pendidikan yang digubal dan disediakan. Oleh yang demikian, peranan pemikir, pengkaji dan golongan cendekiawan perlu bebas mengeluarkan idea-idea baru dan membina serta mengkritik sebarang usaha-usaha dengan tujuan untuk meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan.

Seperti yang dijelaskan, matlamat pendidikan, tujuan pendidikan dan sistem pendidikan memerlukan penyelidikan yang berterusan untuk memastikan matlamat, tujuan dan sistem pendidikan Islam dapat ditambah baik dari masa ke masa. Justeru itu, memajukan agenda penyelidikan merupakan keutamaan dalam memperkasakan pendidikan Islam yang akhirnya dapat melahirkan kepimpinan yang berkualiti tinggi sesuai dengan fiman Allah S.W.T:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan: *Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) (āli Imran, 3: 110).*

Menurut al-Şowī (1976) ayat ini ditujukan kepada para sahabat R.A sebagai satu pengiktirafan kepada umat Nabi Muhammad S.A.W dalam usaha menyeru kepada kebaikan dan melarang keburukan. Hal ini tidak diragui lagi sangat diperlukan dalam sesebuah kepimpinan umat Islam demi menyempurnakan mesej kedamaian kepada seluruh alam.

### Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada AMRASS (*Association of Malaysian Researchers and Social Services*) di atas kepercayaan yang diberikan untuk membentangkan idea asal makalah ini sebagai kertas utama persidangan ICEISR 2022. Sekalung budi kepada pengurusan UiTM Cawangan Terengganu kerana memberi kemudahan dan sokongan kepada penulis untuk menyiapkan penyelidikan ini.

### Rujukan

- Al-Attas, S.M.N dan Wan Daud, W. M. N. (2014). *The ICLIF Leadership Competency Model (LCM): An Islamic Alternative*. Kuala Lumpur: IBFIM & The ICLIF Leadership & Governance Centre.
- Al-Attas, S.M. N. 2020. *Islam dan Sekularisme*. Kuala Lumpur: RZS-CASIS. HAKIM.
- Al-Marāghī, A..M.. (2006). *Tafsir al-Marāghī*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Şowī, A. (1986). *Hāshiah al-Şowī 'alā Tafsīr al-Jalālayn*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Cambell, J. (2015). *Humaniversity: Remembering the Moral Soul of Education*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM Press.
- Kamus Dewan*. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khan, M. W. (1989). *Pendidikan dan Masyarakat dalam Dunia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Langgulong, H. (1981). *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Langgulong, H. (1986). *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysian Qualifications Framework 2nd Edition, dimuat turun pada 28.5.2023 di laman sesawang MQA: <https://www.mqa.gov.my/pv4/mqf.cfm>
- Muhammad, A. H. (2003). Keberkesanan Pendidikan Islam di Peringkat Rendah dan Pembentukan Peribadi Muslim dalam *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Suzalie Mohamad (pnyt). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). (Hlm. 61-78).
- Omar, M. N. (2005). *Gagasan Islamisasi Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Safi, L. (1989). *Asas-asas Ilmu Pengetahuan*. Kuala Lumpur: Thinker's Library.
- Ujang, Z. 2009. *Menghayati Budaya Ilmu: Faham, Ilmu, Amalan dan Panduan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Yaacob, A. M. (2013). Kurikulum Pendidikan di Sekolah-Sekolah Agama Negeri di Malaysia dalam *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Suzalie Mohamad (pnyt). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). (Hlm. 79-104).